

Kesalahan Ortografi dan Implikasinya melalui Penulisan Esei Berpandu Pelajar Bukan Penutur Arab: Satu Kajian di Universiti Sains Islam Malaysia

Azlan Shaiful Baharum ^a, Rosni Samah ^b, Asma Abdul Rahman ^c

^a *Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia 71800 Nilai Negeri Sembilan Malaysia*

^b *Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia 71800 Nilai Negeri Sembilan Malaysia*

^c *Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia 71800 Nilai Negeri Sembilan Malaysia*

*Corresponding Author: azlan_arab@usim.edu.my

Article history: Received: 18th October 2018 | Received in revised form: 22nd December 2021 | Accepted: 9th February 2022 | Published online: 1st May 2022

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesalahan ortografi dalam penulisan berpandu oleh pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi (SMBaK), Fakulti Pengajian Bahasa Utama USIM. Sampel kajian ini terdiri daripada 33 orang lelaki dan perempuan. Mereka diminta untuk menulis satu esei berpandu. Dari penulisan tersebut pengkaji mencari kesalahan mereka dan membilang kekerapan kesalahan tersebut. Kajian ini juga turut menyenaraikan contoh kesalahan yang dilakukan serta cadangan pembetulan bagi setiap kesalahan. Kajian ini juga diharap dapat membantu dalam mengemukakan beberapa cara mengatasi masalah kesalahan bahasa terutama aspek ortografi. Ia juga menjadi panduan kepada tenaga pengajar dalam bidang ini terutama dalam aspek penulisan esei. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan yang diadaptasi daripada metod analisis kesalahan bahasa oleh Aly Ahmed Madkour (2006). Pada akhir kajian, dapat disimpulkan bahawa kesalahan yang paling banyak dilakukan ialah penggunaan *Hamzah Wasl dan Qath'*. Oleh itu, tenaga pengajar perlu memainkan peranan yang penting dalam melatih para pelajar untuk menguasai kaedah tatabahasa ini. Ia juga penting untuk mengelakkan kesalahan yang dilakukan berulang setiap kali mereka menulis esei.

Kata kunci : Kesalahan Ortografi, Implikasi, Penulisan Esei Berpandu, Pelajar Bukan Penutur Arab, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstract

This research aims to identify orthographical errors in directed essay written by the bachelor of Arabic and Communication students (SMBaK), Faculty of Major Language Studies USIM. The samples consist of 33 male and female students. They are requested to write an essay. From the essay, the researchers find their errors and analyze the frequencies. Besides that the errors has been listed out as examples in this research. It is hoped that the research also helping them by giving some suggestions to solve the errors problem. It will be a reference to the teachers in essay writing. Besides that, this research uses the error analysis methodology adapted from Aly Ahmed Madkour (2006). At the end of the research, it is concluded that the usage of *Hamzah Wasl dan Qath'* is the highest errors in the frequent list. Thus, teachers should play an important role to make sure that the students undertand this grammatical rule. This is important to avoid the errors repeat every time when they write an essay.

Keywords : Orthographical Errors, Implication, Directed Essay Writng, Non-Arabic Students, Universiti Sains Islam Malaysia

© 2022 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■ 1.0 PENDAHULUAN

Bagi umat Islam, bahasa Arab berada di kedudukan yang mulia sejak dahulu lagi dan ia menjadi semakin penting dari semasa ke semasa kerana dipilih oleh Allah SWT menjadi bahasa al-Quran dan Hadis. Menurut Ali al-Agla (2005), setiap Muslim dituntut mempelajarinya untuk membaca dan memahami kedua-dua sumber rujukan utama tersebut. Bahasa Arab juga menjadi bahasa utama digunakan di 22 buah negara Arab dan ia merupakan bahasa kedua di kebanyakan negara-negara Islam.

Bahasa Arab merupakan bahasa yang terpenting dalam dunia sekarang. Menurut Wan Azura (2006) penubuhan unit dan institusi-institusi pengajian di negara-negara selain negara Arab seperti di Amerika, Britain, termasuk Malaysia membuktikan penerimaan bahasa ini di peringkat antarabangsa. Antara institusi luar yang menawarkan program bahasa Arab di negara ini ialah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan beberapa universiti awam dan swasta yang lain. Kesedaran terhadap bahasa Arab dilihat semakin berkembang daripada semasa ke semasa (Azlan, 2017). Kita melihat pertuturan bahasa Arab bukan hanya dalam kalangan orang Islam tetapi orang bukan Islam sehingga ke Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mutakhir ini.

Bahasa Arab diajar di pelbagai peringkat dari rendah sehingga peringkat dewasa. Bagi Universiti Awam di Malaysia boleh dikatakan hampir semua universiti tersebut menawarkan subjek ini sebagai subjek utama atau subjek elektif (Mualimin, 2017). Menurut Lubna et al. (2011) pula, Bahasa Arab di USIM dijadikan kursus wajib bagi semua pelajar tanpa mengira jurusan. Walaupun para pelajar di USIM mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Arab bermula di peringkat sekolah sama ada sekolah rendah atau menengah. Pelajar sentiasa didedahkan dengan pemantapan kemahiran bahasa Arab sama ada penulisan, bacaan, pertuturan, pendengaran (Rosni, 2009, Rohaizaf: 2018 & Hidayah, 2017)

■ 2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia kini semakin berkembang luas (Rosni, 2009). Sejak ia diperkenalkan lebih kurang 20 tahun yang lalu secara formal, ia semakin diterima. Namun begitu menurut Azlan et. Al (2013), penguasaan pelajar dalam aspek bahasa masih berada ditahap yang kurang memuaskan terutama sekali di peringkat menengah dan universiti. Pencapaian pelajar dalam ujian dan peperiksaan bahasa Arab mengundang kebimbangan pelbagai pihak dalam bidang akademik. Ia membawa kepada penguasaan yang semakin merosot dari semasa ke semasa.

Menurut Abdul Halim et. a l. (2006), kualiti esei dan penulisan mereka juga semakin kurang baik. Dalam pada itu, pelbagai kesalahan dapat dilihat dalam penulisan pelajar di universiti ini. Sebagai contoh dalam aspek ortografi, pelajar terkeliru antara penggunaan Sin dan Syin dalam perkataan "شكرا", mereka menulis sebagai "سكرا". Dalam aspek morfologi misalnya, mereka menambah huruf Alif bagi perkataan "مكتب" ditulis sebagai "مكتاب". Manakala dalam aspek sintaksis pula, ada di antara mereka yang membentuk kata nama khas التعريف daripada sesuatu yang umum التنكير seperti dalam frasa nama "كتاب اللغة العربية". Akan tetapi untuk kajian ini, fokus akan diberikan hanya pada kesalahan ortografi sahaja.

Mengikut Siti Ilham (2018), isu kelemahan mereka dalam penulisan bahasa Arab terus diperdebatkan hingga kini. Para pengkaji masih lagi mencari apakah puncanya. Rohaizaf et.al (2018) berpendapat bahawa kelemahan semakin ketara dari sehari ke sehari. Menurut Khazri dan Ku Siti Esah (2012), apabila bahasa Arab digunakan secara meluas pada masa kini oleh penutur bukan Arab dalam bidang akademik, maka berlakulah kesalahan demi kesalahan sama ada aspek pertuturan mahu pun penulisan yang boleh mengurangkan keistimewanya.

Kelemahan penulisan ini amat ketara dalam beberapa aspek bahasa termasuklah sintaks, ortografi/ejaan, morfologi/pembinaan kata dan leksikografi/pemilihan kosa kata (Azlan, 2013). Kesalahan-kesalahan ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Madihah Muhammad Yusof (2009) kepada pelajar Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia. Dapatan kajian Rosni Samah (2009) menunjukkan pelajar lepasan sekolah menengah agama lemah dalam menulis karangan bahasa Arab. Hanya 16% sahaja yang mendapat markah 6 ke atas daripada 10 markah. Kelemahan ini berlaku dalam membina ayat yang betul.

Menurut NurHidayah (2017), kelemahan penguasaan bahasa mempunyai kaitan rapat dengan kesalahan bahasa terutama tatabahasa dan kaedah penulisan. Oleh sebab itu terdapat juga penyelidik yang cuba mengenaikan kesalahan-kesalahan Bahasa yang dilakukan oleh pelajar. Menurut Hanizam (2004), pembelajaran bahasa Arab terlalu memfokuskan teori kesalahan bahasa semata-mata dan tidak menekankan kemahiran penulisan. Mahama Duriah (1999) yang membuat kajian tentang kesalahan penggunaan kata ganti nama Arab dalam kalangan pelajar secara lisan dan penulisan, mendapati bahawa terdapat banyak sebab yang menjurus kepada kesalahan yang berulang kali. Ini dapat dilihat melalui pemikiran pelajar yang cenderung berfikir dalam bahasa Melayu sebelum menulis atau bertutur dalam bahasa Arab. Ini mengakibatkan mereka menghadapi kesukaran untuk menulis atau bertutur dengan penyusunan ayat yang betul. Ini bertepatan dengan kajian Saleh Mahgoub (2017) dan kajian Majdi (2017) tentang kesan pengaruh bahasa ibunda dalam kesalahan bahasa terutama dalam aspek ortografi.

■ 3.0 OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk :

- Mengenalpasti jenis kesalahan ortografi yang dilakukan dan kekerapannya.
- Menganalisis contoh kesalahan tersebut dan mengemukakan pembetulan yang ayat yang wajar sebagai panduan.
- Mencadangkan dan mengenalpasti implikasi terhadap kesalahan tersebut

Maka persoalan kajian ini adalah seperti berikut :

- Apakah jenis kesalahan ortografi yang dilakukan dan berapakah kekerapannya?
- Apakah contoh kesalahan tersebut? Apakah pembetulan yang dicadangkan?
- Apakah implikasi terhadap kesalahan tersebut?

■ 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi Umum

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dalam proses menyediakan input dan output. Ia bertujuan untuk mengenalpasti kesalahan yang wujud secara jelas dalam material kajian. Material tersebut diperoleh hasil daripada penulisan pelajar. Setiap pelajar dikehendaki menulis satu tajuk esei berformat yang tertentu. Esei tersebut mestilah tidak lebih daripada 100 patah perkataan.

Tulis satu dari tajuk-tajuk berikut tidak kurang daripada 100 patah perkataan:

اكتب في واحد من الموضوعات الآتية ما لا يقل عن 100 كلمة:

- 1- تخرّجت في الجامعة، وتريد أن تطلب وظيفة من إحدى وكالات السياحة. اكتب رسالتك الرسمية في ذلك الطلب مبيّنًا سبب رغبتك في تلك الوظيفة.
- 2- قامت جامعتك برحلة علمية إلى متحف الفنون الإسلامية بكوالا لمبور. وبوصفك سكرتيرًا لهذه الرحلة، اكتب تقريرًا عنها بالتفصيل.
- 3- قام نادي اللغة العربية في جامعتك بالاجتماع الأول، وناقش الأعضاء عدة برامج سينظّمها النادي في هذا الفصل الدراسي. وبوصفك كاتبًا/سكرتيرًا، اكتب محضر هذا الاجتماع بالتفصيل.
- 4- ستقوم جامعتك بحفلة التخرج للخريجين الجدد لهذا العام. بوصفك عضوًا تنفيذيًا لها، اكتب بطاقة الدعوة الرسمية للضيف الخاص الذي سيفتتح تلك الحفلة رسميًا.
- 5- سيقوم نادي الكمبيوتر في جامعتك بمعرض يبيّن آلات التكنولوجيا والحواسيب في الشهر القادم. صمّم إعلانًا واضحًا مبيّنًا جميع المعلومات عن ذلك المعرض.

Metodologi Khusus

Bagi proses menganalisis kesalahan ortografi, teori analisis kesalahan digunakan. Ia terbahagi kepada lima peringkat asas iaitu menentukan dan mengidentifikasi kesalahan, mengklasifikasikan kesalahan, mendiskripsi kesalahan, mentafsir kesalahan dan mengatasi kesalahan tersebut. Teori ini diadaptasi daripada hasil kajian seorang profesor pendidikan di Universiti Kaherah, Mesir Prof. Dr. Aly Ahmed Madkour (2006). Kajian ini dilakukan mengikut proses analisis yang disebutkan tadi. Ia untuk memastikan hasil dapatan kajian kelak mendapat output yang dikehendaki. Huraian teori analisis kesalahan ialah seperti berikut:

Peringkat 1 : Menentukan dan Mengidentifikasi Kesalahan

Pada peringkat ini ia dianggap peringkat paling sukar dalam analisis kesalahan. Ini kerana setiap pengkaji perlu mengenalpasti secara tepat kesalahan ortografi dan bentuk, sama ada dalam perkataan atau frasa. Setiap pengkaji juga hendaklah menetapkan hukum sintaksis tatabahasa. Ia bagi setiap unsur bahasa yang digunakan oleh pelajar dalam ayat mereka. Ia perlu digredkan dengan label “tepat” dan “boleh diterima” atau “salah” dan “tidak boleh diterima”(Abdussalam,2001: 83).

Peringkat 2 : Mengklasifikasikan kesalahan

Pada peringkat ini pula pengkaji perlu menentukan jenis kesalahan yang dilakukan mengikut jenis kesalahan bahasa yang tertentu. Kadangkala pengkaji mengalami kesukaran untuk menentukannya sepertimana kesukaran yang dihadapi pada peringkat pertama. Kesukaran itu muncul disebabkan oleh kesalahan yang agak rumit. Menurut Abdussam (2001) ia berkemungkinan turut menyentuh dua tahap bahasa secara serentak, sebagai contoh: ortografi dan fonologi dalam masa yang sama, atau penentuan kesalahan kategori disengajakan atau tidak.

Peringkat 3 : Menggambarkan kesalahan

Pada peringkat ini pengkaji akan memberikan gambaran yang sewajarnya berkenaan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Ia dilakukan dengan menerangkan aspek-aspek yang bertentangan yang terdapat dalam penulisan pelajar dengan kaedah ortografi yang betul. Dengan erti kata lain, menurut kajian Hanizam (2004:60) peringkat ini merupakan proses perbandingan antara frasa yang salah dengan frasa yang betul dan gramatis.

Peringkat 4 : Mentafsirkan dan menghuraikan kesalahan

Pada peringkat ini pula pengkaji perlu menjelaskan sebab-sebab yang membawa kepada berlakunya kesalahan ortografi, bagaimana ia boleh berlaku. Pengkaji juga akan cuba mencari jalan penyelesaian untuk mengurangkan atau menghindarkan kesalahan tersebut daripada berulang. Kesalahan ini boleh berlaku akibat beberapa faktor. Antaranya faktor linguistik seperti kesilapan ketika menginterpretasi aspek bahasa. Ia juga boleh terjadi melalui generalisasi bahasa dan kurang memahami aspek ortografi dengan baik. Faktor psikologi juga

mungkin menyumbang kepada berlakunya kesalahan ortografi ini. Ia boleh terjadi apabila seseorang itu terlupa dan kurang daya ingatan yang kuat. Faktor fizikal juga menurut Hanizam (2004:61) boleh mempengaruhi, seperti persekitaran pembelajaran yang kurang kondusif dan kurang sesuai.

Peringkat 5 : Mengatasi dan memperbaiki kesalahan

Pengkaji akan cuba untuk memperbaiki dan memperbetul kesalahan ortografi supaya tidak berulang. Oleh itu semua faktor yang disebutkan pada peringkat 4 tadi perlu diberi perhatian untuk mengatasi masalah ini.

Sampel kajian

Sampel kajian terdiri daripada 33 orang pelajar tahun akhir pengkhususan bahasa Arab daripada Fakulti Pengajian Bahasa Utama USIM. Mereka merupakan sebahagian daripada populasi seramai 220 orang pelajar tahun akhir yang mengikuti pengajian ijazah sarjana muda bahasa Arab dan Komunikasi di universiti ini. Mereka dipilih secara rawak daripada beberapa kelas yang telah ditentukan oleh penyelidik.

■5.0 DAPATAN DAN DISKUSI

Setiap pelajar berbeza pandangan terhadap kesalahan bahasa yang dilakukan oleh mereka dalam penulisan berformat. Ini timbul hasil daripada pengalaman individu yang berbeza dalam aspek penulisan. Setiap pelajar mempunyai latar belakang bahasa yang berlainan dan tindak balas yang berbeza terhadap penulisan berformat itu sendiri. Oleh yang demikian perbezaan individu dalam kalangan mereka amat ketara walaupun mereka belajar di universiti yang sama. Bertitik tolak dari situasi ini, dapatan kajian dapat disimpulkan dalam tiga fokus utama, iaitu persepsi mereka terhadap jenis kesalahan, faktor berlakunya kesalahan dan kesan yang terhasil daripada kesalahan tersebut.

Jenis Kesalahan Ortografi

Selepas menganalisis penulisan berformat yang ditulis oleh para pelajar berkenaan, pengkaji mendapati kesalahan ortografi boleh dibahagikan kepada lima kategori, iaitu:

1. kesalahan ortografi yang berkaitan dengan Hamzah Wasl dan Qoth'
2. kesalahan ortografi yang berkaitan dengan titik bagi huruf
3. kesalahan ortografi yang berkaitan dengan pertukaran huruf dengan huruf yang lain
4. kesalahan ortografi yang berkaitan dengan penambahan huruf yang tidak perlu
5. kesalahan ortografi yang berkaitan dengan pengurangan huruf yang perlu

Keputusan analisis kesalahan ortografi merangkumi frekuensi dan min purata ditunjukkan dalam jadual yang berikut :

Kesalahan Ortografi dalam Penulisan Berformat Pelajar USIM			
Jenis kesalahan	Kekerapan	%	Min Purata
Kesalahan ortografi yang berkaitan dengan <i>Hamzah Wasl dan Qoth'</i>	10	45.5	2.27
Kesalahan ortografi yang berkaitan dengan penambahan huruf yang tidak perlu	4	18.1	0.99
Kesalahan ortografi yang berkaitan dengan pertukaran huruf dengan huruf yang lain	3	13.6	0.68
Kesalahan ortografi yang berkaitan dengan pengurangan huruf yang perlu	3	13.6	0.68
Kesalahan ortografi yang berkaitan dengan titik bagi huruf	2	9.1	0.45
Jumlah	22	100	5.07

Jadual 1 : Keputusan analisis kesalahan ortografi dalam penulisan berformat

Jadual 1 menunjukkan bahawa majoriti kesalahan yang dilakukan oleh sampel kajian ialah yang berkaitan dengan *Hamzah Wasl dan Qoth'*. Kekerapannya ialah 10 kesalahan, bersamaan dengan 45.5%, dan min puratanya 2.27. Ini diikuti dengan kesalahan ortografi yang berkaitan dengan penambahan huruf yang tidak perlu di tempat kedua. Kekerapannya ialah 4 kesalahan, menyamai 18.1% dan min puratanya 0.99. Manakala kesalahan ortografi yang berkaitan dengan pertukaran huruf dengan huruf yang lain berada di tempat ketiga.

Kekerapannya ialah 3 kesalahan, menyamai 13.6% dan min purata 0.68. Ini diikuti dengan kesalahan ortografi yang berkaitan dengan pengurangan huruf yang perlu. Kekerapannya ialah 3 kesalahan, menyamai 13.6% dan min purata 0.68. Kesalahan yang paling kurang dilakukan oleh sampel kajian ialah kesalahan ortografi yang berkaitan dengan titik bagi huruf. Kekerapannya ialah 2 kesalahan, bersamaan dengan 9.1% dan min purata 0.45.

Kesimpulannya masalah terbesar yang dilakukan oleh mereka dalam penulisan berformat terutama kesalahan ortografi ialah ketidakupayaan membezakan penggunaan Hamzah Wasl dan Qoth'. Mereka tidak dapat membezakan kedua-duanya dengan jelas. Mereka juga sering mengulangi kesalahan yang sama semasa proses menulis esei tersebut. Masalah ini membawa kepada masalah ortografi atau ejaan yang agak kritikal. Ia masih berlaku walaupun mereka telah pun belajar kaedah ini sejak dari peringkat awal pengajian lagi. Ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh Azlan (2013 dan 2017).

Berikut adalah beberapa contoh kesalahan ortografi yang dilakukan oleh sampel kajian yang terdiri daripada pelajar-pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Komunikasi (SMBaK), USIM :

Contoh kesalahan	Deskripsi kesalahan	Tafsiran dan Sebab kesalahan	Pembetulan yang dicadangkan
مبنى القرآن	Tiada tanda bacaan panjang di atas huruf alif	Pelajar keliru dalam ejaan yang betul bagi perkataan al-Quran. Sebab kesalahan: Tidak memahami kaedah ortografi Arab dengan mendalam. Ini membawa kepada kesalahan ini.	مبنى القرآن
شهر أكتوبر	Tiada hamzah Qoth' di atas huruf alif	Pelajar cuai untuk menulis hamzah Qoth' di atas alif. Dia menyangka bahawa hamzah ini tidak perlu ditulis. Pengkaji mendapati pelajar ini tidak tahu membezakan penggunaan jenis hamzah, sama ada hamzah qoth' atau hamzah wasl. Sebab kesalahan: pelajar tidak meletakkan hamzah pada tempat yang betul. Pelajar sewajarnya merujuk kamus dan bahan bacaan yang lain sebagai panduan.	شهر أكتوبر
يوم الإثنين	Hamzah qoth' diletakkan dibawah huruf alif, sedangkan hakikatnya ia tidak perlu kepada hamzah tersebut	Pelajar lain mengulang kesalahan yang sama aitu tidak dapat membezakan jenis hamzah dalam perkataan ini, sama ada qoth' atau wasl. Dia meletakkan hamzah qoth', pada tempat hamzah wasl sepatutnya. Klaedah ini cukup penting bagi memperlihatkan kaedah ortografi Arab difahami dengan baik. Sebab kesalahan: Kurang latihan dalam kaedah ini dan kaedah-kaedah ortografi yang lain.	يوم الإثنين
إلى معرض الكتب	Tidak meletakkan hamzah qoth' pada tempat yang sepatutnya, disamping meletakkan dua titik di bawah alif ta'nith maqsurah.	Pelajar mengulangi kesalahan yang sama berulang kali. Ini menunjukkan mereka memang tidak betul-betul mengetahui kaedah hamzah qoth' atau wasl. Mereka juga tidak tahu membezakan kedua-duanya. Sebab kesalahan: Kurang latihan dalam kaedah ini dan kaedah-kaedah ortografi yang lain. Kesalahan kedua berkisar tentang kecuaiannya pelajar dalam mengeja. Dia meletakkan titik pada tempat yang tidak sepatutnya. Kesalahan ini akan menimbulkan kekeliruan di antara alif ta'nith maqsurah dan ya. Sebab kesalahan: Pelajar kurang perihatin dalam menulis menyebabkan berlakunya kesilapan di sini.	إلى معرض الكتب

حيا ! حيا !	Pertukaran ejaan di antara huruf "ح" dan huruf "هـ"	Kurang menumpukan perhatian ketika menulis ejaan. Ia juga berpunca dari terkeliru dalam penggunaan kata di antara "حي" dan "هيا". Sebab kesalahan: tidak merujuk kamus untuk mengetahui ejaan yang sebenar. Pelajar juga sering menggunakan perkataan-perkataan ini secara lisan berbanding dengan penulisan. Oleh sebab itu ini berlakunya kekeliruan ejaan.	هيا ! هيا !
اطلب الوظيفة	Tidak meletakkan hamzah qoth' pada tempat yang sepatutnya	Hamzah qoth' yang tidak ditulis itu sebnarnya ialah hamzah untuk kata kerja Mudhori'. Sebab kesalahan: tidak membiasakan diri untuk mempraktikkan penggunaan hamzah dalam ejaan. Kurang latihan menulis juga membawa kepada kekerapan kesalahan yang agak kritikal.	أطلب الوظيفة
المرشد السياحه	Meletakkan "هـ" di tempat "ياء التّسبب"	Pelajar melakukan kesalahan dalam meletakkan Ha' Dhamir pada tempat Ya' an-nasab. Sebab kesalahan: Tidak mengetahui fungsi Ya' an-nasab dalam kaedah ortografi Arab.	المرشد السياحي
أرجو منك	Meletakkan huruf alif selepas huruf waw.	Pelajar ini tidak dapat membezakan waw yang digunakan untuk kata kerja jamak dan waw yang merupakan sebahagian ejaan asal perkataan. Waw untuk kata kerja jamak dalam kata kerja Madhi <u>الماضي</u> dan Amar <u>الأمر</u> perlu ditambah imbuhan huruf alif selepasnya, seperti "اجلسوا" atau "جلسوا". Akan tetapi pada perkataan "أرجو" tidak memerlukan imbuhan alif. Sebab kesalahan: Tidak mampu untuk membezakan waw yang digunakan untuk kata kerja jamak dan waw yang merupakan sebahagian ejaan asal perkataan.	أرجو منك
في الشريكتك	Menambah huruf ya' dalam perkataan	Pelajar keliru dengan ejaan dan terpengaruh dengan ejaan jawi. Sebab kesalahan: terpengaruh dengan ejaan Melayu dengan menggunakan tulisan jawi "شريكت".	في شركتك
المزياع	Pertukaran ejaan di antara huruf "ذ" dan huruf "ز"	Pelajar tidak mengetahui ejaan dengan betul. Ini kerana perkataan ini sering digunakan secara lisan berbanding dalam bentuk tulisan. Oleh itu, ketika menulis pelajar ini tidak dapat mengeja dengan betul. Sebab kesalahan: keliru dan cuai untuk mengeja dengan betul.	المذيع
رائس إدارة	Menambah huruf alif pada perkataan dan tidak meletakkan huruf ya' yang sepatutnya ada dalam perkataan tersebut	Pelajar terkeliru dan cuai dengan ejaan yang sebenar. Sebab kesalahan: Pelajar Pelajar tersilap ketika mengeja perkataan ini.	رئيس إدارة
خبرتي في المطار KLIA	Tidak menambah huruf alif selepas huruf Tho' pada	Membuang huruf alif pada ejaan selepas huruf Tho' member implikasi yang besar dari segi makna. Ini kerana perkataan <u>المطار</u> membawa maksud tempat	خبرتي في مطار KLIA

	perkataan "المطر"	kapal terbang mendarat dan berlepas, atau lebih dikenali sebagai lapangan terbang. Manakala المطر membawa maksud hujan. Sebab kesalahan : Pelajar tidak perihatin dengan ejaan yang betul mengenai frasa ini.	
سكراتير الحفلة	Menambah huruf alif dalam perkataan "سكراتير"	Perkataan ini dipinjam dari bahasa Inggeris. Oleh itu ejaan yang biasa diterima dalam ejaan Arab ialah "سكرتير" tanpa huruf alif. Sebab kesalahan: tidak peka dengan ejaan yang betul.	سكرتير الحفلة
فاتمة -	Pertukaran ejaan di antara huruf "ط" dan huruf "ت"	Pelajar tertukar ejaan di antara tho' dan ta' dalam perkataan. Pelajar terpengaruh dengan ejaan Melayu. Ini disebabkan oleh tidak wujud huruf tho' dalam ejaan Melayu iaitu Fatimah. Sebab kesalahan: Terpengaruh dengan ejaan Melayu.	فاطمة -
تاج المھال	Pertukaran ejaan di antara huruf "ح" dan huruf "ه", dan menambah huruf alif secara salah dalam perkataan.	Pelajar ini tersilap mengeja walaupun ia dipinjam dari kata nama khas dalam bahasa Hindi. Akan tetapi ejaan yang diterima pakai dalam bahasa Arab ialah تاج محل. Sebab kesalahan : tidak perihatin dengan ejaan kata nama khas yang betul.	تاج محل
من المايزيا	Penambahan alif dan lam-التعريف secara salah	Pelajar menulis "ال" التعريف pada awal perkataan. Ini kerana kata nama khas tidak memerlukan. Bahkan ia telah pun dikhaskan dengan namanya sendiri. Sebab kesalahan: Pelajar tidak mengetahui kaedah bahawa kata nama khas (nama negara) tidak boleh diletakkan imbuhan awalan "al"	من مايزيا
مبنى مالك فيصل	Menambah huruf alif secara salah dalam perkataan "مالك"	Pelajar ini telah menambah huruf alif selepas huruf mim secara khilaf. Ini boleh meruba makna perkataan kepada yang lain. "المالك" membawa maksud pemilik, manakala "الملك" bermaksud pemerintah atau raja. Sebab kesalahan: tidak pasti dengan ejaan yang betul dan tidak membuat rujukan.	مبنى الملك فيصل
الألات الإلكترونية في أسواقنا	Meletakkan hamzah qoth' bukan pada tempatnya serta tertinggal hamzah qoth'	Pelajar ini tersilap meletakkan hamzah. Sepatutnya dia meletakkan tanda panjang mad di atas alif. Begitu juga perkataan yang kedua, hamzah sepatutnya diletakkan di bawah alif. Ini kerana sebutannya ialah berbaris bawah. Perkataan ketiga tiada hamzah qoth'. Sebab kesalahan : kurang pasti dengan ejaan yang betul.	الألات الإلكترونية في أسواقنا
الهدايا للمخطوطین	Pertukaran ejaan di antara huruf "ح" dan huruf "خ", tidak meletakkan titik bagi huruf "ظ" yang pertama dan kedua pada	Pelajar ini cuai dalam meletakkan titik sehingga membawa kepada perubahan maksud. Ini kerana perkataan "المخطوط" bermaksud digariskan, manakala perkataan "المخطوطين" bermaksud orang-orang yang bertuah. Oleh itu lokasi titik sangat penting, walaupun nampak remeh. Ini kerana bahasa Arab merupakan bahasa yang kaya dengan kosa	الهدايا للمخطوطين

	perkataan tersebut	kata. Sebab kesalahan: kecuiaan yang tidak sepatutnya berlaku.	
سِنَاقِسْ	Pertukaran ejaan di antara huruf "ش" dan huruf "س"	Tidak meletakkan titik menyebabkan berubah ejaan perkataan yang tidak membawa sebarang maksud. Sebab kesalahan: tergopoh-gapah menulis dan mengeja.	سِنَاقِسْ
الْحَوَاسِبِ الْخَدِيثَةِ	Tidak menambah huruf ya' sebelum huruf ba' dalam perkataan pertama	Pelajar ini tertinggal untuk meletakkan huruf ya' selepas huruf sin. Ini menyebabkan kesilapan untuk ejaan perkataan tersebut. Sebab kesalahan : tidak mengetahui ejaan sebenar.	الْحَوَاسِبِ الْخَدِيثَةِ
الْمُنْصَبِ الشَّاعِرِ	Pertukaran ejaan di antara huruf "ع" dan huruf "غ"	Tidak meletakkan titik huruf ghain menyebabkan maksudnya berubah secara total. Menurut Mustafa (1972:486) الشَّاعِرِ bermakna penyair, manakala الشَّاعِرِ bermaksud kosong atau lapang. Sebab kesalahan: pelajar tidak berhati-hati ketika menulis.	الْمُنْصَبِ الشَّاعِرِ
بَدَأَ مِنْ السَّنَةِ الْقَادِمَةِ	Huruf alif ditulis secara salah sebelum huruf hamzah	Meletakkan huruf alif sebelum huruf hamzah, menyebabkan perkataan tersebut tidak membawa maksud yang dikehendaki. Sebab kesalahan: pelajar tidak berhati-hati ketika menulis.	بَدَأَ مِنْ السَّنَةِ الْقَادِمَةِ
فِي وَكَالَاتِ السِّيَاحَةِ	Penambahan ha' Dhamir pada akhir perkataan, dan penambahan ta' ta'nith secara salah	Pelajar ini menambah huruf ha' yang tidak mempunyai fungsi dalam perkataan ini. Sebab kesalahan: kesalahan dan tidak perihatin dengan ejaan yang betul.	فِي وَكَالَاتِ السِّيَاحَةِ
الْجَامِعَةِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْعَالَمِيَّةِ مَالِيزِيَا	Penambahan ta' marbuttoh pada kata nama khas	Pelajar menyambung kata nama khas "ماليزيا" dengan ta' marbuttoh secara salah. Sebab kesalahan : terkeliru dengan ejaan yang betul.	الْجَامِعَةِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْعَالَمِيَّةِ مَالِيزِيَا
الْمُحَاضِرَةِ الْعَامَةِ	Pertukaran ejaan di antara huruf "ح" dan huruf "خ"	Penambahan titik pada huruf "ح" menyebabkan berlakunya perubahan maksud yang sebenar yang dikehendaki. Menurut Mustafa (1972) dalam <i>al-Mu'jam al-Wasith</i> "المحاضرة" bermaksud: proses menjual buah-buahan dalam keadaan masih muda dan hijau. Manakala "المحاضرة" bermaksud menyampaikan kuliah atau ceramah (Musatafa,1972:180). Sebab kesalahan: tidak fokus ketika menulis.	الْمُحَاضِرَةِ الْعَامَةِ
نَسْتَرِجِ	Tertinggal huruf ya' asli dalam perkataan	Pelajar in tertinggal huruf ya' dalam ejaan walaupun ia sebahagian dari ejaan asal kata kerja ini. Ini kerana kata dasarnya ialah "استراج". Dalam kaedah Arab huruf alif akan bertukar kepada ya' apabila ia menjadi kata kerja المضارع. Oleh itu ya' tersebut perlu ada dalam ejaan. Sebab kesalahan: tidak dapat membezakan ya' dalam ejaan asal dan ya' imbuhan.	نَسْتَرِجِ
وَنَتَنَاوِلُ غَدَائِنَا	Meletakkan	Pelajar tersilap apabila meletakkan hamzah pada	وَنَتَنَاوِلُ غَدَائِنَا

	hamzah berbaris atas الفتحة di atas نبرة	tempat yang salah. Ia sepatutnya diletakkan di atas garisan sahaja. Sebab kesalahan: Tidak mengetahui kaedah ortografi Arab secara terperinci, terutama cara penulisan huruf hamzah di pertengahan perkataan.	
افتتح الاجتماع بحمد الله	Menambah imbuhan ya' pada perkataan "حمد"	Pelajar tersalah dalam ejaan dengan menambahkan huruf yang tidak perlu. Dia telah mengubah kata terbitan "حمد" kepada "حميد" iaitu صفة مشبَّهة. Sebab kesalahan: kurang perihatin dengan ejaan yang tepat.	افتتح الاجتماع بحمد الله
إنجاز الخطط المقترحة	Tidak meletakkan hamzah qoth pada tempat yang sesuai.	Kesilapan ortografi yang sama masih lagi berulang. Sebab kesalahan: pelajar masih tidak dapat membezakan hamzah qoth dan wasl dengan baik.	إنجاز الخطط المقترحة
صلة الرحيم	Penambahan huruf ya' secara salah	Pelajar terkeliru di antara perkataan "الرحيم" iaitu salah satu daripada nama-nama Allah أسماء الله الحسنى dan perkataan "الرحم". Sebab kesalahan : terkeliru dengan penggunaan kedua-dua perkataan di atas.	صلة الرحم

6.0 PERBINCANGAN

Bertitik tolak daripada dapatan kajian di atas, maka terdapat beberapa cadangan penambahbaikan seperti berikut :

- fokus kepada latihan intensif dan praktis yang berterusan untuk kaedah ortografi Arab yang betul.
- Mempelbagai metodologi pengajaran kaedah ortografi supaya lebih berkesan. Antaranya membuka satu sesi diskusi di Facebook, Wikispase, MOOC E- Learning dan Kahoot.com.
- Mempelbagai aktiviti dan permainan bahasa yang menarik dalam dan luar kelas. Antaranya ialah pertandingan "Spell it right" seperti yang dianjurkan dalam bahasa Inggeris.
- Menggunakan teknik pembelajaran moden seperti kaedah pembelajaran berasaskan tugas (*Task-based Learning*) dan berasaskan projek (*Project-based Learning*).

Bertolak daripada dapat kajian ini, dua implikasi utama dapat dirumuskan. Ia berkaitan dengan strategi pelajar dalam usaha mempelajari kemahiran ortografi dalam menulis esei, kaedah pembelajaran yang perlu diberi perhatian terutamanya dalam subjek-subjek berkaitan dan bahan rujukan yang membekalkan bahasa kepada pelajar.

Implikasi terhadap strategi pembelajaran

Dari sudut strategi, pelajar hendaklah mempunyai strategi sendiri untuk belajar terutamanya kemahiran menulis. Mereka perlu memastikan ejaan dan sitem ortografi mereka tepat dan tidak salah. Menurut Azlan (2017) sebagai pelajar yang mempunyai asas dalam bahasa Arab seharusnya mereka boleh mengaplikasikan kaedah yang telah dipelajari sejak sekian lama. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Anida (2003), Nurazan (2004), Kamarul Syukri (2009b), Sueraya dll. (2010), Mastura & Kaseh (2012) and Rosni Samah (2013) menunjukkan pelajar bahasa Arab kurang menggunakan strategi belajar yang efektif dan mereka kurang kesedaran dalam penggunaan tersebut. Bertolak daripada isu ini Rosni Samah (2014) membina Strategi Imitasi untuk pembelajaran bahasa Arab yang lebih sesuai dengan tabiat bahasa Arab dan pelajar Islam. Strategi ini telah menunjukkan keberkesanannya melalui kajian-kajian yang telah dijalankan seperti Siti Ilham (2018) dalam bidang debat bahasa, Nurhidayah (2017) dalam tatabahasa, Azlan (2013) dalam analisis kesalahan dan terjemahan. Berdasarkan kejayaan tersebut Rosni Samah (2014c) telah membina instrumen untuk mengukur penggunaannya.

Implikasi terhadap kaedah pengajaran dan pemudahcaraan

Dari sudut implikasi kaedah pengajaran dan pemudahcaraan pula, beberapa tajuk yang berkaitan dengan sistem ejaan dan ortografi perlu dinilai dan dimurnikan semula. Berdasarkan dapatan kajian pelajar menyatakan bahawa kelemahan tertinggi adalah dari segi kaedah Hamazah Wasl dan Qath'. Dari sudut pendekatan, pembelajarannya hendaklah menekankan sudut amali bukanlah hanya kaedah semata-mata. Ini bagi membolehkan pelajar dapat membentuk perkataan dan mengeja dengan tepat mengikut kaedah yg gramatis (Azlan, 2017).

Begitu juga dalam aspek penggunaan *Alif* dan *Lam*, walaupun ia ada berkaitan dengan nahu, tetapi ia tidak lari dari aspek ortografi. Ia hendaklah memberi penekanan dari sudut amali juga, supaya pelajar dapat membina menggunakan pola perkataan yang betul. Mengikut kajian Rohaizaf (2018), bagi meningkatkan tahap penguasaan kosa kata, kemahiran membaca hendaklah ditekankan secara intensif. Ini bagi membolehkan pelajar menguasai perkataan-perkataan yang baharu. Ini bertepatan dengan kajian terkini oleh Mohamad Hazwan (2018) yang menekankan pemantapan kosa kata dalam pengajaran bahasa Arab yang efektif.

Menurut Nur Hafizah (2014) pengajaran subjek kemahiran menulis hendaklah banyak menekankan sudut analisis sintaksis secara terus supaya mereka dapat mengetahui kesalahan mereka. Walaupun begitu kajian terhadap strategi menyelesaikannya kurang dilakukan sekarang. Begitu juga latihan tubi penulisan hendaklah sentiasa dijalankan. Ini bagi membolehkan pelajar membina ayat dengan betul dan mengetahui kesalahan yang dilakukan oleh mereka. Dengan adanya latihan berkala seperti ini, kesalahan ortografi akan dapat diatasi. Mengikut kajian Fauzi Abdul Hamid (2012) dan Azlan (2017), membuat pembetulan di hadapan pelajar akan memberi kesan yang mendalam dan positif dalam penulisan. Antara aktiviti pembetulan yang berkesan yang dilakukan oleh pengkaji selama ini ialah guru membentangkan penulisan di hadapan pelajar kemudian mencari bentuk kesalahan serta membetulkannya. Begitu juga guru memberi peluang kepada pelajar lain untuk sama-sama mencari kesalahan dan cuba membetulkannya. Ia lebih berkesan berbanding hanya guru sahaja yang membetulkan dalam kertas ujian atau latihan pelajar.

■ 7.0 PENUTUP

Kekerapan kesalahan ortografi yang paling ketara ialah kesalahan ortografi yang berkaitan dengan *Hamzah Wasl dan Qoth'*. Ia diikuti oleh kesalahan ortografi yang berkaitan dengan penambahan huruf yang tidak perlu. Kesalahan yang berada pada tempat ketiga ialah kesalahan ortografi yang berkaitan dengan pertukaran huruf dengan huruf yang lain. Kesalahan ortografi yang berkaitan dengan pengurangan huruf yang perlu dan kesalahan ortografi yang berkaitan dengan titik bagi huruf pula antara yang paling kurang dilakukan oleh pelajar. Semua kesalahan ini bertepatan dengan kajian yang pernah dilakukan oleh Ruzvani Mohamad (2009), Noorasmazura (2017) dan Azlan (2013). Beliau dalam kajiannya menyimpulkan bahawa masalah yang hampir sama dihadapi oleh sampel kajiannya dengan kajian ini. Dalam kajian ini juga disenaraikan banyak kesalahan ortografi berserta huraian dan cadangan pembetulan bagi kesalahan tersebut. Diharapkan pelbagai pendekatan dan inisiatif untuk memperkasa kefahaman pelajar terhadap kaedah ortografi dalam bahasa Arab dapat dilaksanakan dengan beberapa pendekatan yang sesuai dan efektif. Ini bertepatan dengan hasil kajian Siti Ilham (2018). Perkara berkaitan adalah penting demi survival pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia pada masa hadapan. Kajian yang dijalankan ini boleh mencetuskan beberapa idea baru untuk kajian akan datang, antaranya ialah:

- Strategi pembelajaran kaedah ortografi untuk para pelajar bahasa Arab peringkat asas.
- Strategi pembelajaran kaedah ortografi untuk para pelajar bahasa Arab peringkat tinggi.
- Keberkesanan kaedah pembelajaran berasaskan tugas (*Task-based Learning*) dalam mengurangkan kesalahan ortografi dalam kalangan pelajar.

Rujukan

- Abu Saïid Muhammad Abdul Majiid. (2007). Al-Ittijahat hadithah fi tadrîs at-ta'bir fi 'asr aulamah. *Prosiding Seminar Islamiyyat Lughah wa adab fi bana' hadharîlil ummah Islmayyah*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 165-184.
- Adiny Abdul Hadi Salahuddin. (2000). *Su'ubat lughawiyah allati tuwajihu tholabah dirasat islamiyyah: Dirasat tahliliyyah tatbiqiyah*. Tesis Sarjana. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Ahmad Abdul Qodir al-'Alawiy. (2010). *Analisis kesalahan pemakaian isim dhomir pada muhadatsah*. Tesis Sarjana Pendidikan. Semarang: Universiti Negeri Indonesia.
- Ahmad Sheikh Abdessalam. (2001). *Muqaddimah fil ilmi lughah tatbiqi (maudhu'at mukhtarah wa qadhaya islamiyyah)*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Ainol Mardziah Zubairi & Isarji Hj. Sarudin. (2009). Motivation to learn a foreign language in Malaysia. *GEMA Online™ Journal of Studies*, 9(2), 73-87.
- Amizan Helmi Muhammad. (2013). *Turuq tadrîb maharat alkalam lil mutanazirin bil madaris athanawiyah fil malizia*. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia.
- Anida Abd.Rahim. (2003). Strategi Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, K.Lumpur.
- Arif Karkhi. (1994). *Ta'lim Al-Lughah Al-'Arabiyah li Ghairi Al-Arab: Dirasat fi Al-Manhaj wa Turuq Al-Tadrîs*. Kaherah: Dar Al-Thaqafah li Al-Nasyr wa Al-Tauzi'.
- Awang Mohamad Amin. (1994). *Beberapa masalah penterjemahan ganti nama bahasa Arab ke bahasa Melayu*. (dalam) Dewan Bahasa, keluaran Mac 1994.
- Azlan Shaiful Baharum. (2013). *Kesalahan bahasa dalam penulisan berformat dalam kalangan Pelajar pengkhususan bahasa arab di institusi pengajian tinggi awam Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Azlan Shaiful Baharum et.al (2017). *Alakhta' Alughawiah Ladad Attullab Aljamiah Almalizyyah*. Nilai: Penerbitan USIM Press.
- Che Kamarudin Kamel Che Muhammad. (1999). *Satu Kajian Penguasaan Nahu Bahasa Arab Peringkat Menengah Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Arab*. Projek ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Che Radiah Mezah, & Norhayati Awang. (2007). *Panduan Menulis Kedudukan Hamzah Dalam Perkataan Arab*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Che Radiah Mezah. (1995). *Kesilapan Bahasa dalam Karangan Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu*. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Che Radiah Mezah. (2009). *Kesilapan Leksikal Dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Serdang, Selangor Darul Ehsan: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Che Radiah Mezah. (2010). Kedudukan "Hamzah" Dalam Perkataan: Kaedah Penulisannya Diabaikan Dalam Pengajaran. In *Che, Pengajaran Bahasa Arab : Himpunan Pedoman Buat Guru dan Bakal Guru Siri 1* (pp. 54-62). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Fahed Khalil Zayed & Fatima Saadi. (2006). *Fannul kitabah wa ta'bir*. Amman: Maktabah al-Risalah.
- Foo,B., & Richrds, C. (2004). English in Malaysia. *RELC Journal*, 35 (2), 229-240.
- Ghazali Yusri, Nik Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina & Muhammad Sabri Sharir. (2012). Penggunaan bahasa arab lisan dan hubungannya dengan strategi pengurusan sumber. *GEMA Online™ Journal of Studies*, 12(2), 505-520.
- Hanan Hasan. 2014. *Marifah mufradat fil maqalah islamiah lada tholabah sanah rabiah fi kullia syariah wal qanun biljamiah*. Projek Ilmiah Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia.

- Hanizam Mohamad Ghazali. (2004). *Al-Akhta' lughawiyah kitabiah lada tullab malayuwiyyin fi istikhdam masdar: dirasah tahliliyyah*. Tesis Sarjana. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Institut Bahasa Arab. (1984). *Al-akhta' lughawiyah tahririyah litullab mustawa mutaqqaddimfi ma'had al-lughah al-arabiyyah*. Makkah al-Mukarramah: Institut Bahasa Arab.
- Izzah Fathiyah Borhan. (2014). *Faalaiah thariqah lu'bah lughawiah fi taalum lughah arabiah lada tholabah sanah thaniah fil madrasah thanawiah Pekan Baru Muar Johor*. Projek Ilmiah Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia.
- Jassem, J. A. (2000). *Study on Second Language Learners of Arabic : An Error Analysis Approach*. Kuala Lumpur: A.S.Noordeen.
- Johanson. (1972). *The Identification and Evaluation of Errors in Foreign Language: A Functional Approach*, in Svartvic (ed.). Errata: Papers in Error Analysis Lund.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Penggunaan strategi pembelajaran bahasa arab di kalangan pelajar sekolah menengah*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Bangi: Univesiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Shukri, Mohamed Amin, Nik Rahimi & Zamri Mahmood. (2009). Strategi metafizik:
- Kamarulzaman Abdul Ghani. (2011). Kebolehbacaan buku teks bahasa arab tinggi berasaskan ujian klotz dalam kalangan pelajar di SMKA. *GEMA Online™ Journal of Studies*, 11(2), 53-66.
- Kesinambungan penerokaan domain utama pembelajaran bahasa. *GEMA Online™ Journal of Studies*, 9(2), 1-13.
- Khazri Osman & Ku Siti Esah Ku Ibrahim. (2012). Analisa kesalahan pelajar dalam penulisan bahasa Arab:kajian kursus maharat al-kitabah.*Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*. Bangi: Univerisiti Kebangsaan Malaysia. 130-138.
- Madiah Muhammad Yusof. (2009). *Mustawa ma'rifah jumal ismiyyah lada tholabah wa tholibat sanah thalithah fi kuliyah quran wa sunnah*. Projek Ilmiah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mahama Duriyah. (1999). *Al-akhta' fi istikhdam dhama'ir arabiyah lada tholabah Jamiah al- Amir Songkla bi Fatani*. Tesis Sarjana . Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Maheram Ahmad. (2011). *Pengaruh Gaya Bahasa Arab dalam Terjemahan Arab-Melayu*. (Atas talian). Muat turun 14 Ogos 2014, dari <http://maharani-mamailham.blogspot.com/2011/04/pengaruh-gaya-bahasa-arab-dalam.html>
- Maimun Aqsha Lubis & Jamaliah Rani. (2007). Strategi pembelajaran akses sendiri Bahasa Arab Tinggi dan hubungannya dengan pencapaian: Satu kajian tinjauan. Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Negara Ke-3. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 13-14 Februari.
- Mastura & Kaseh, (2012). Penggunaan Strategi Pembelajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab: Kajian Di Pusat Asasi Uiam, Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012, (PKEBAR'12), Banggi: UKM.
- Menggunakan Modul Asadullah. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri Ke 7 (Peringkat Nusantara)*, pp. 37-47. Gontor: Institut Studi Islam Darussalam.
- Mikhail Ibrahim & Mahmud Mohamed Ali. (2007). Tahlil akhta' lughawiyah lada tullab jamiah ulum islama'iyah. *Prosiding Seminar Islamiyyat Lughah wa adab fi bana' hadharilil ummah Islmayyah*.Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. 359-376.
- Mohamad Hazwan Abdul Rahman. (2018). *Mustawa Iktisab Mufradat Alarbiah Lada Tulab Almarkaz Attamhidi Bi Jamiatil Ulum Alislamiyyah Alamaliziyyah*. Tesis Master. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohamad Sonang Siregar. (2014). *Analisis Kesalahan dalam menerapkan konsep Af'alul Khamsah dalam Kalimat*. Projek ilmiah. Fakulti Bahasa Dan Sastra Arab. Jakarta: Universiti Negeri Indonesia.
- Mohamed Ahmed Hamed Mohamed Ali. (2010). *Anmat al-akhta' al-implaiyah: asbabuha wan manhajiyah 'ilajih litholabah almalayuwiyyin fil jamiah islamiyyah alamiyyah bimaliziah*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamed Ewadh. (1983). Error Analysis and some problems in learning Arabic as a foreign language. *Arab Journal of Language Studies*, 1(2). Khortoum: Institut Bahasa Arab Antarabangsa.
- Mohd Fauzi Abdul Hamid. (2012). *Istratiji al-Muhakah wa turuquha fi Ta'lim al-Insya' wa taalulmihi ala mustawa al-syahadah al-diniyah al-'aliah (STAM): At-tathbiq lada altulab wal tolibat bissanah assadisah minal madrasah althanawiyah aldiniah Bandar Baru Salak Tinggi*. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Hakim Rosli. (2008). *Tahlil akhta' uslubiyah fi ta'bir tahriri arabilada tullab syahadah thanawiyah maliziah*. Tesis Sarjana. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohd Nazmi Desa. (2009). Meningkatkan Kemahiran Menulis Kedudukan Hamzah Dalam Perkataan Arab Dalam Kalangan Pelajar PISMP Bahasa Arab di IPGM Kampus Tuanku Bainun Dengan
- Mohd Zaini Sejo. (2012). Penekanan ilmu Morfologi dalam buku teks bahasa Arab KBSM. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*. Bangi: Univerisiti Kebangsaan Malaysia. 190-205.
- Muhamad Hanan. (2011). *Asbab Khawf lada Talabah Jamiah Malaya fi Kuliyah Islamiyah fi Muhadathah*. BA thesis. Faculty of Major Languages. Nilai: Islamic Science University of Malaysia.
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online™ Journal of Studies*, 14(1), 117-133.
- Naimah Abdullah. (1995). *Masalah Ejaan Arab di kalangan Pelajar Melayu*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nonglaksana Kama. (2007). *Istratijiyyat ta'allum lughah arabiyah wa alaqatuha bi akhta' lughawiyah li muta'alimi arabiyah fil jamiah islamiyyah alamiyah maliziah: dirasah tahliliyyah*. Tesis Doktor Falsafah. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nor Ain Ramlan. 2014. *Anshithah addaurah almukathafah bimaharat lughatil quran fi raf'I mustawal maharat allughawiyah lada tholabah ssnah ula bilkuliyah*. Projek Ilmiah Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nor Azizi Ismail, Lubna Abd Rahman & Wan Azura. (2007). Tahlil kitabah arabiyah: dirasah fi jamiah ulum islamiyyah maliziah. *Prosiding Seminar Islamiyyat Lughah wa adab fi bana' hadhari lil ummah Islmayyah*.Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. 309-318.
- Norasmazura Muhammad. (2005). *Al-akhta' fiistikhdam atta'rif wa tankir liddarisin fi madaris diniyyah biwilayah Kelantan: dirasah wasfiyyah tahliliyyah*. Tesis Sarjana. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Norfarhana Mat Nawi. (2014). *Thoriqah Taalim al-Insya' fil Madrasah addiniyah Maahad sunniah PASir Puteh biwilayah Kelantan*. Projek Ilmiah Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Normalis Amzah, Natsue Hieda & Mimiko Nezu. (2012). Penerapan unsur budaya dalam pembelajaran bahasa Jepun. *GEMA Online™ Journal of Studies*, 12(2), 407-425.
- Nur Hafizah Abdul Aziz. (2014). *Penggunaan Kaedah Imitasi Dalam Penulisan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Universiti*. Tesis Master. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nur Pratiwi, Suhaila Zailani Hj. Ahmad & Salamiah Ab. Ghani. (2014). Kajian Terhadap Faktor Keresahan Pelajar Dalam Kelas Maharat al-Muhadathah wal Khatabah. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*. Banggi: UKM.
- Nurazan M. Rouyan. (2004). Strategi Pembelajaran Bahasa dalam Pembelajaran Bahasa Arab: Kajian di KUSZA. MA dissertation. Banggi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurmalayanah Mohd Ramlil. (2014). *Qudrah tarjamah alkalimat assyaiah fil akhbar lada tholabah sanah thalithahalhaizn bi jaizah Amid kuliyah*. Projek Ilmiah Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nurul Afiah Abdul Shukur. (2014). *Iktisab almufradat ashahiah fil jaridah arabiah lada tullab assanah rabiah fi kuliyah allughah al arabiah fil kuliah*. Projek Ilmiah Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nurul Aimi Amirah Rosli. (2014). *Maarifatul jumlah ismiah lada tholabah sanah thaniah fi qismil fiqh wal fatwa. Jamiatul ulum islamiyah maliziah*. Projek Ilmiah Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nurullah Abdullah Hashim. (2005). *Al-akhta' fi istikhdan nawasikh lada tholabah al-madaris thanawiyah diniyyah biwilayah Pahang*. Tesis Sarjana. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Rabiah Adawiah Sururi. (2014). *Mustawa bina' aljumah minas surah lada tholbah assanah ula bikuliyah dirasat lughah raisah fi jamiatul ulum alislamiyah almaliziah*. Projek Ilmiah Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia.

- Rohaizaf Maizani Mat Zain. (2013). *Toriqah mubasyirah fi taalum lughah arabiah lil mustawa muftadi': dirasah fi markaz dirasat asasiah di jamiah islamiah alamiaah malizia*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rohaizaf Maizani Mat Zain et.al. (2018). *Ta'lim Maharatil Kalam Billughatil Arabiah Linnatiqin Bighairiha*. Nilai: Penerbitan USIM Press.
- Rosni Samah & Mohd. Marwan Ismail. (2006). *Mustawa tholabah syahadah 'alyyah diniyyah maliziah fi madh balaghah arabiah wa masyakiliha: dirasah fil madaris diniah biwilayah Selangor*. Laporan Penyelidikan. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah, Mohd Fauzi Abdul Hamid, Shaferul Hafes Sha'ari & Amizan Helmi Mohamad. (2013). Aktiviti pengajaran kemahiran bertutur bahasa arab dalam kalangan jurulatih debat. *GEMA Online™ Journal of Studies*, 13(2), 99-116.
- Rosni Samah. (2007). Penggunaan internet dalam pengajaran bahasa: kajian terhadap bahasa Arab komunikasi pelancongan. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 1(2), 83-95.
- Rosni Samah. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 12(2), 555-569.
- Rosni Samah. (2014a). Using SILL's Strategies among Student in Learning Arabic Language in Malaysia. *Wulfenia Journal*. Vol 21, No. 1. 26-34.
- Rosni Samah. (2014b). Suggested Strategies for Non Arabic Speakers in Learning Arabic Language. *Pensee Journal*. Vol 76, No. 1. 232-239.
- Rosni Samah. (2014c). The Development of Imitation Strategy Inventory for learning Arabic Language in Malaysia. *Pensee Journal*. Vol 76, No. 6; Jun 2014
- Ruzuani Muhammad. (2009). *Al-akhta' imlaiyyah fi isti'mali hamzatul wasli wal qati 'lada tholabah fi qism tarbiyyah bil jamiah ulum islamiyyah maliziah*. Tesis Sarjana. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Sueraya Che Haron et al., (2010), Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies among Selected Malay Learners: A Case-Study At The International Islamic University Malaysia (IIUM), Contemporary Issues in Education Research; Aug 2010; *ProQuest Education Journals*.
- Siti Ilham Muhammad. (2018). *Daurul Munazoroh Fitamniah Maharatil Muhadathah Ladal Mutanazirinfi Tolabah Darul Quran JAKIM*. Tesis Master. Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
- Wejdan Mohamad Salleh Kenali. (2000). *Tahlil al-akhta' kitabiah fi isti'li huruf al-jar titalabah malayuwiiyyin fi qism lughatil arabiyyah wa adabiha*. Tesis Sarjana. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Zarima Mohd Zakaria. (2005). *At-ta'bir kitabiy lada thalabahmaliziyyin bilmadaris thanawiyyah diniyyah biwilayah silanjur*. Tesis Sarjana. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Zuhdi Abu Khalil & Nabil Khalil Abu Haltam. (1995). *Al-mursyid fi kitabah insha' litullab almarhalatain al-I'dadiyyah wa thanawiyyah*. Doha: Dar al-Thaqafah.